

# PERJUANGAN SEDEKAD MENJULANG BAHASA

**PERJUANGAN menjulang dan memartabatkan bahasa Melayu dianggap belum selesai dan tiada titik noktahnya. Walaupun kedudukan bahasa Melayu dijamin melalui Perlembagaan Persekutuan Perkara 152, tetapi keindahan dan keagungan nilainya akan luntur jika tidak dipelihara sebaik mungkin.**

MENYEDARI akan hal itulah, pada 12 Julai 2018, dalam Persidangan Dewan Rakyat, Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu, Dr. Maszlee Malik menerusi kementerianya berhasrat untuk melancarkan Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK). Menurut beliau, melalui DBK, satu pelan komprehensif akan dirangka untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama dalam kalangan penutur bahasa Melayu di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara, malah menjadi bahasa yang popular di persada dunia.

Sebagai menyahut saranan Menteri Pendidikan ketika itu, agenda Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan (GDBK) dirangka oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dengan pelancarannya pada peringkat kebangsaan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Dr. Mohd Gazali Abas di Wisma DBP pada 8 November 2019. Pelancaran itu disusuli dengan Majlis Sambutan Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan Sektor Pendidikan pada 24 September 2019, yang juga dirasmikan oleh Dato' Dr. Mohd Gazali, di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Kemudian, GDBK terus diperhebat oleh DBP dengan pelancarannya di setiap negeri melalui kerjasama agensi kerajaan, institusi pendidikan dan sektor korporat. Pelancaran GDBK pada peringkat negeri Perak berlangsung pada 28 November 2019, yang diadakan dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pelancaran GDBK pada peringkat negeri Perlis pula bersinergi dengan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, yang

mendapat sokongan padu daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Pemimpin nombor dua negeri Sabah, Datuk Dr. Haji Jaujan Haji Sambakong hadir selaku tetamu kehormat yang merasmikan majlis pelancaran GDBK bagi Zon Sabah pada 12 Oktober 2019 di Kompleks DBP Cawangan Sabah.

Seterusnya, pelancaran GDBK Jerayawara Zon Selatan pada 20 Oktober 2018 dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Johor pada ketika itu, Dato' Haji Azmi Rohani. Majlis

perasmian GDBK pada peringkat Negeri Sarawak yang berlangsung pada 10 Oktober 2019 menonjolkan kelainan dengan mempersembahkan fragmen "Membentuk Elok di Teluk Esok". Fragmen tersebut mengajak khlayak untuk menilai bahawa walaupun wujud banyak bahasa yang hadir sebagai bahasa pertama bagi sesuatu masyarakat, bahasa kebangsaan tetap kekal sebagai bahasa rasmi di negara kita. Pelancaran GDBK juga turut berlangsung di pentas antarabangsa, iaitu bersempena dengan Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt. Perasmianya disempurnakan oleh Konsul Jeneral Malaysia pada 11 Oktober 2018, di Messe, Frankfurt.

Bagi menyemarakkan GDBK, beberapa program dilaksanakan, dan satu daripada program mega GDBK ialah Karnival Bahasa Jiwa Bangsa. Karnival yang menggabungkan aktiviti bahasa, budaya dan sastera ini berlangsung selama empat hari, bermula pada 29 Oktober 2019 hingga 1 November 2019 di ruang lobi Kementerian Pendidikan Malaysia. Sektor Perkhidmatan Awam pula memeriahkan GDBK dengan mengadakan persembahan Teater Perkhidmatan Awam bertajuk "Patah Hati" di Istana Budaya. Yang menariknya, Teater Perkhidmatan Awam ini dilakonkan oleh penjawat awam daripada 38 agensi kerajaan. Teater "Patah Hati" yang berlangsung selama dua hari, iaitu 10 hingga 11 Disember 2019 merupakan agenda penutupan GDBK Sektor Perkhidmatan Awam 2019. Di Melaka pula, diadakan program bersifat ilmiah, iaitu Kongres Bahasa



dan Persuratan Melayu Nusantara sempena sambutan GDBK pada peringkat negeri Melaka yang dirasmikan oleh mantan Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari. Kementerian Pendidikan Malaysia juga bekerjasama dengan sektor korporat, The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd. menganjurkan Peraduan Balas dan Kias Pantun secara digital bersempena dengan GDBK yang menawarkan hadiah keseluruhan wang tunai berjumlah RM6900. Pada peringkat kementerian pula, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menerima kerjasama yang dihulurkan oleh DBP untuk mengadakan Pertandingan Bicara Berirama yang bertemakan "Bahasa Akal Budi Kita". Pertandingan yang diungguli oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini berlangsung pada 13 Disember 2018 di Dewan MITI, Kuala Lumpur. Maka, jelas bahawa jaringan kerjasama telah diperluas dan bentuk aktiviti dipelbagaikan dengan tujuan untuk menarik minat dan perhatian masyarakat terhadap GDBK.

Menelusuri sejarah perjuangan dan kempen memartabatkan bahasa Melayu membawa kita ke era 1960-an. "Gunakan Bahasa Kebangsaan", "Bahasa Jiwa Bangsa" dan "Bahasa Kebangsaan Bahasa Perpaduan" merupakan antara slogan Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) pada sekitar tahun 1960-an. Gerakan ini merupakan usaha kerajaan untuk memupuk minat dan mendorong rakyat untuk mempelajari bahasa kebangsaan. Pada ketika itu, BBK disambut meriah di seluruh negara. Gerakan yang bertujuan untuk menimbulkan kesedaran terhadap penggunaan bahasa kebangsaan bermula dengan Minggu Bahasa Kebangsaan (MBK) pada tahun 1960.

MBK seterusnya dilanjutkan menjadi Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selama enam tahun, bermula dari 28 Januari 1961 hingga 3 September 1966. Hal ini menunjukkan iltizam kerajaan untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi tunggal menjelang tahun 1967. Pada ketika itu, BBK diadakan dengan matlamat untuk menimbulkan kesedaran akan peri pentingnya kedudukan bahasa kebangsaan sebagai

wadah perpaduan serta menghidupkan semangat suka dan perlu menggunakan bahasa kebangsaan dalam apa-apa juga urusan kerja.

Fasa seterusnya, pada tahun 1987, mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Gerakan Cintailah Bahasa Kita (GCBK). Gerakan ini bertahan hingga tahun 1996, dan seterusnya pada tahun 1997, Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta pula memeriahkan persada bahasa kebangsaan. Selepas tempoh sembilan tahun, bahasa kebangsaan dimartabatkan pula melalui sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN), bermula pada tahun 1999 hingga tahun 2009. Program pertama BBSN dilancarkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada ketika itu.

Pada tahun 2009 hingga tahun 2017, bersesuaian dengan matlamat pelaksanaannya, BBSN sekali lagi melalui proses penjenamaan semula sebagai Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) dan kemudian dijenamakan sebagai GDBK pada tahun 2018 seiring dengan hasrat kerajaan. Biar apa-apa pun nama yang diberikan dan bentuk penjenamaannya, GDBK tidak lari daripada matlamat asalnya untuk mendekati dan menyantuni segenap masyarakat, termasuk syarikat swasta dan sektor korporat agar mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan, terutamanya dalam urusan rasmi.

Dalam pelan tindakan GDBK, DBP selaku peneraju agenda besar kebahasaan merangka beberapa inisiatif untuk memperkasakan bahasa Melayu. Aspirasi yang tercakup dalam inisiatif tersebut ialah:

Memperkasakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang mencakupi pelbagai bidang dan sektor di Malaysia.

Memperkasakan perancangan dan pemupukan bahasa Melayu tinggi bagi membentuk tamadun bangsa Malaysia yang berbudaya dan berakhlak mulia.

Merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara.

Mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama di ASEAN, dan menjadikan Malaysia sebagai pusat persuratan Melayu terulung di dunia.

Memetik semula kata Dr. Maszlee Malik bahawa satu pelan tindakan yang komprehensif perlu dirangka untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama dalam kalangan penuturnya, sama ada pada peringkat negara, serantau ataupun antarabangsa. Maka itu, perjuangan sedekad memartabatkan bahasa Melayu bukan sahaja perlu dilakukan dengan lebih gigih dan mendapat sokongan padu daripada semua pihak, malah perlu dilaksanakan secara bijaksana dan teratur.

Idea dan tindakan perlu disepadukan agar bahasa Melayu mendapat tempat di hati masyarakat pelbagai bangsa dan budaya serta kedudukannya berada di tempat yang dihasratkan dalam misi DBK. Kita pasti tidak mahu bahasa Melayu menerima nasib yang sama sebagaimana bahasa-bahasa lain yang telah pupus akibat bangsanya mengetepikan bahasa mereka sendiri. Fenomena ini pastinya akan memberikan kesan terhadap identiti budaya dan dasar kebudayaan kebangsaan serta membantutkan usaha untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai jati diri yang mapan.

Usaha dalam tempoh sedekad memperjuangkan kedaulatan dan kedudukan bahasa Melayu juga direncanakan atas faktor fungsi bahasa Melayu itu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Ketiga-tiga fungsi tersebut dapat dirumuskan sebagai mekanisme asas pembinaan negara, iaitu melalui dasar bahasa kebangsaan sebagaimana juga dasar kenegaraan yang lain, seperti dasar ekonomi baharu, dasar pembangunan nasional dan dasar pendidikan kebangsaan. Peranan dan sumbangan bahasa Melayu dalam konteks ini amat penting sehingga tidak mungkin dapat diambil alih oleh bahasa lain.

Dalam hal ini, kita juga tidak meminggirkan peranan bahasa lain. Bahasa lain memang mempunyai peranan dan sumbangannya yang tertentu dalam pembangunan negara kita. Namun begitu, kita masih berpegang pada prinsip awal perubahan negara ini, iaitu bahasa Melayu akan menjadi bahasa nombor satu negara dan penggunaannya harus

meliputi segala urusan dalam negara serta dilaksanakan secara meluas.

Bahasa Melayu merupakan asas jati diri, pemikiran, nilai dan pandangan hidup kita sebagai bangsa yang berdaulat dan bermaruah, sementara bahasa lain berperanan membantu proses pemindahan ilmu, maklumat, dan teknologi daripada budaya lain ke dalam budaya kita.

Keyakinan akan peranan bahasa Melayu sebagai wahana kemajuan bangsa tidak pula sampai membibitkan rasa taasub yang terjelma dalam penolakan akan pentingnya mempelajari dan menguasai bahasa asing yang bermanfaat terhadap kemajuan diri dan bangsa. Bahasa kebangsaan dipertahankan, bahasa asing dikuasai. Oleh sebab itulah, perjuangan perlu diteruskan untuk memastikan kedudukan dan penggunaan bahasa kebangsaan terus berada pada tahap yang terbaik, bukan sahaja penggunaannya yang meluas, bahkan digunakan dengan betul, ikhlas, dan penuh kesedaran. Semangat untuk menjiwai bahasa kebangsaan amat penting agar bahasa tersebut sentiasa mendapat tempat di hati dan sanubari rakyat Malaysia yang bahasa rasmi negaranya ialah bahasa Melayu.

Bahasa Melayu menjadi tanda kewujudan sebuah negara dan sekali gus bangsanya, iaitu negara dan bangsa Malaysia, sebagaimana juga tanda-tanda lain, seperti bendera kebangsaan, lagu kebangsaan, bunga kebangsaan dan pakaian kebangsaan yang berperanan menjadi asas jati diri dan citra bangsa dan negara kita. Kita perlu mendidik generasi muda pada hari ini untuk menyedari bahawa pembentukan negara bangsa dan bahasa kebangsaan mempunyai kaitan rapat yang menjadi salah satu unsur perpaduan kebangsaan, melalui pelaksanaannya sebagai bahasa perhubungan dalam kehidupan rakyat berbilang kaum.

Pihak DBP sedar bahawa kempen kebahasaan telah melalui tempoh yang panjang, iaitu sejak tahun 1960. Namun demikian, kempen ini perlu diteruskan untuk mempersegar kecintaan dan kemegahan terhadap bahasa kebangsaan. Akan tetapi, gerakannya perlu dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih segar dan menarik selain menebarkan rangkaian kerjasama strategik

yang merentas kementerian dan agensi kerajaan, sektor korporat dan swasta, dan syarikat berkaitan kerajaan. Hal ini bertujuan untuk memperkukuh dan memperluas daya cakupan pelaksanaan aktiviti kebahasaan di Malaysia. Dengan usaha yang sedemikian, tidak mustahil impian untuk melihat bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama dalam kalangan penutur di Malaysia dan rantau ASEAN akan tercapai.

Apabila memperkatakan usaha perjuangan memartabatkan bahasa Melayu, pasti dalam minda kita akan terbayang-bayang hikayat lama ketika zaman kegemilangan bahasa Melayu klasik. Naskhah agung seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Hang Tuah*, *Bustannus Salatin*, *Sejarah Melayu* dan hasil tokoh ilmuwan, Hamzah Fansuri yang terkenal dengan karya prosanya, Asrarul-Arifin fi bayan Ilmal-Suluk wal-Tauhid, al-Muntahi dan Sharabul-Ashiqin ialah khazanah ilmu bahasa Melayu klasik tidak temilai harganya.

Kita juga tidak boleh menyembunyikan fakta bahawa bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di Tanah Melayu sejak abad ke-7, iaitu sejak bentuk tulisan bahasa Melayu mengalami asimilasi daripada tulisan Rencong, Pallava, Kawi, Jawi dan Rumi. Perkara itu menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah pun digunakan dan ditulis dengan mantap menggunakan aksara dan abjad tersebut. Bukti yang diperoleh oleh pengkaji dan ahli sejarah juga tidak boleh menidakkan fungsi dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sejak zaman Srivijaya. Oleh sebab itulah, melalui sistem pendidikan yang terancang dan mengutamakan bahasa Melayu, diyakini bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu di Malaysia.

Tanggungjawab untuk terus mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan hanya harus dipikul oleh Kementerian Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), universiti tempatan dan pihak sekolah, tetapi oleh semua rakyat Malaysia yang mengaku sebagai warganegara Malaysia. Semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk memelihara kedudukan bahasa Melayu di samping meletakkan nilai tambah, khususnya nilai ekonomi dan nilai ilmu dalam

bahasa tersebut. Dalam konteks untuk memastikan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pula, perkara penting yang perlu dilakukan ialah penterjemahan kerana dengan usaha penterjemahan juga dapat mengembangkan dan memastikan kelangsungan hayat bahasa Melayu di persada dunia. Maka dalam hal inilah, peranan dan kerjasama rakyat Malaysia amat diperlukan, khususnya dalam kalangan ilmuwan, pakar bahasa, agensi dan badan yang berhak untuk memastikan bahasa Melayu muncul sebagai bahasa ilmu dan seterusnya menjadi bahasa antarabangsa.

Kita tidak menolak hakikat bahawa meskipun negara sudah mencapai usia 63 tahun kemerdekaan pada tahun ini, bahasa kebangsaan sebenarnya masih belum mendapat tempat di hati seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Begitu juga dengan peranannya sebagai bahasa ilmu tinggi dan bahasa komunikasi. Makanya, untuk mencapai cita-cita itu, masyarakat seharusnya sudah pun menanamkan sikap cinta akan bahasa kebangsaan agar dapat menjadi lambang ketinggian jati diri mereka.

Melalui pelbagai bentuk program sempena GDBK, DBP amat berharap masyarakat akan dapat menghapuskan pemikiran bahawa hanya dengan berbahasa asing, barulah mereka dilihat sebagai maju dan mencapai standard atau piawai antarabangsa. Sememangnya cabaran untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mewakili komunikasi, ekonomi, ilmu dan pemikiran menjadi semakin sukar dengan kewujudan media baharu yang cenderung untuk bebas daripada norma adab, akhlak dan bentuk bahasa yang tidak terkawal.

Oleh sebab itulah, perlu ada pelan yang komprehensif, tindakan yang strategik dan kerjasama yang bersepadu untuk mengangkat wibawa bahasa Melayu, khususnya dalam tempoh sedekad menjayakan matlamat DBK. Penggunaannya dalam perniagaan, penulisan, perbahasan, pendokumentasian dan pembicaraan konsep baharu harus dipergiat melalui GDBK kerana langkah tersebut menyumbang kepada pemantapan, pemerkaasaan dan pemartabatan bahasa Melayu dengan menjunjung semangat "Bahasa Jiwa Bangsa". **PB**